

JENAYAH ROGOL & BUNUH KANAK-KANAK

Langnya Nilai Kemanusiaan

...mpai berkeadaan...
Nurul dirogol, dibunuh
erogol
Nurul kena
20 tahun
24 sebatan
Duta
tua di
rogol buad

beraktera rogol
dipenjara 19 tahun, se
 KOTA BHARU 6 Feb. - Seorang bekas...
 Menurut lakin, kejadian itu berlaku di...
 tempat yang sunyi dan sebelum dirogol, terd...
 sudah telah melakukan keberanian terha...
 dan hanya yang beraninya menentang



BOLEH dikatakan setiap hari berita mengenai jenayah keganasan seksual seperti rogol terpampang di dada-dada akhbar dan juga di skrin televisyen. Sana sini sibuk memperkatakan kejadian rogol dan bunuh tidak kira di warung kopi ceruk kampung, kedai-kedai mamak, kafe-kafe berhawa dingin mahu pun hotel lima bintang. Senario ini terjadi selepas dikejutkan kejadian yang menimpa kanak-kanak malang **Harirawati Saridi**, 10 tahun, dari Menggatal, Sabah selepas 8 hari kita menyambut kedatangan tahun 2004.

Selang sepuluh hari kejadian itu, seluruh negara dikejutkan sekali lagi dengan kejadian yang sama pada 17 Januari 2004. Kali ini, **Nurul Huda Ghani**, 10, dari Gelang Patah, Johor dirogol dan diliwat secara bergilir-gilir oleh tiga lelaki sebelum dicekik hingga mati.

Kenyang dan muak membaca dan mendengar laporan rogol dan bunuh, emosi memberontak meluahkan kemarahan dan melepaskan rasa geram. Terdiam! Hati berbisik... "Tergamak sungguh tubuh insan sekecil itu diratah dengan rakus dan diperlakukan seperti binatang!"

DI MANA LETAKNYA SIFAT KEMANUSIAAN DALAM DIRI INSAN YANG BERNAMA LELAKI? TANPA MEMIKIRKAN SIAPA MANGSA SAMA ADA ANAK SENDIRI ATAU KANAK-KANAK YANG BARU MENGENAL DUNIA, NAFSU SERAKAH MESTI DIPUASKAN. ITULAH MANUSIA YANG BERNAMA LELAKI APABILA SYAITAN DAN NAFSU MENGUASAI DIRI.

Bukan semua lelaki yang bersifat kejam seperti itu. Namun, waihan wanita dan ibu bapa semua! Ingatlah bahawa setiap lelaki berpotensi sebagai perogol apabila berkesempatan atau berpeluang. Tidak kiralah lelaki itu suami kepada isteri, ayah kepada anak, datuk kepada cucu atau abang kepada adik. Apabila nafsu mula menguasai diri dan pegangan agama diketepikan, akal fikiran serta pendidikan tinggi tidak berguna lagi.

MENCARI RESOLUSI

FIKIRKAN sejenak, apakah punca sebenar kejadian ini sehingga mendorong seseorang individu itu sanggup merogol dan membunuh kanak-kanak yang berusia 5 atau 6 tahun? Ini tidak mengambil kira tahap 'keberanian' remaja lelaki yang berusia bawah 18 tahun melakukan perbuatan ini. Seperti kes Nurul Hanis Kamil yang dirogol dan dibunuh oleh rakan sekolahnya berusia 17 tahun.

Pendedahan demi pendedahan dibongkarkan setiap kali kejadian seperti itu berlaku. Namun, jalan penyelesaian yang sedia ada bagi membendung masalah ini masih lagi buntu. Saban hari kejadian rogol melibatkan kanak-kanak tetap berlaku walau pun tidak melibatkan kematian mangsa.

Namun yang membimbangkan kita semua tidak kiralah sebagai individu, ibu bapa, guru, masyarakat, pemimpin mahu pun kerajaan, bilangan yang dilaporkan di tahap membimbangkan. Setiap tahun berlaku peningkatan kes sehingga isu keganasan ini menjadi tajuk-tajuk utama pada perbincangan atau forum semasa bagi mencari satu pendekatan atau resolusi terbaik menangannya.

KERJASAMA BERSEPADU

PARA pemimpin, pihak kementerian dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) tidak jemu-jemu mencari pendekatan serius menangani isu ini sehingga ke akar umbi. Usaha ini dilihat satu kerjasama dan tindakan bersepadu semua lapisan masyarakat tidak mengira agama, bangsa dan kedudukan.

Seterti kata Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, **Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil** bahawa isu keganasan ini bukan sahaja melibatkan isu wanita sahaja. Malah ia merupakan isu nasional yang harus ditangani oleh setiap wanita dan lelaki. Setiap lapisan masyarakat mesti bekerjasama dan bertanggungjawab untuk menangani isu ini.

Tidak hanya mengharapkn pelaksanaan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah. Sebagai anggota masyarakat, kejadian seperti ini boleh dibendung sekiranya sikap ambil tahu dan kepekaan terhadap persekitaran. Jika masyarakat tidak berubah, saranan dan cadangan yang pelbagai dikemukakan hanya tinggal janji.

Nafsu Rogol & Bunuh Kanak-kanak

KEWAJARAN UNDANG-UNDANG

DARI segi hukuman pula, orang ramai tidak putus-putus menggesa pihak kerajaan agar undang-undang yang sedia diperkemas dan diperketatkan. Mungkin pada pendapat mereka, hukuman penjara beserta sebatan belum mencukupi dan tidak menyedarkan orang ramai tentang jenayah seksual ini.

Tidak kurang juga yang mencadangkan supaya pesalah rogol disebut di khalayak ramai atau dijatuhkan hukuman mati mandatori. Walau pun begitu, perlu kita ingat adakah cara penguatkuasaan undang-undang ini dapat membendung gejala ini terus menular dalam masyarakat. Seberat mana pun hukuman yang dikenakan, sekiranya masih terdapat lagi individu yang 'berpenyakit', bertuhankan nafsu semata-mata kejadian rogol ini tetap berlaku.

Bagaimana pun pelaksanaan hukuman dan undang-undang seperti mana yang diwar-warkan, biarlah ia dapat memberi kesedaran dan menjadi iktibar kepada kita semua. Jangan jadikan pelaksanaan undang-undang ini sebagai mainan emosi masyarakat sehingga kewajaran tidak wujud lagi.

KEJADIAN BAKAL BERULANG

RUNGUTAN orang ramai juga mengenai pesalah seksual yang diberi kebebasan dengan ikat jamin. Apa yang dikesalkan, sesetengah penjenayah boleh tersenyum dengan muka selamba apabila dibebaskan dan didapati tidak bersalah disebabkan kekurangan bukti. Tanpa rasa bersalah dan kawalan daripada pihak-pihak berkuasa, penjenayah tersebut bebas menjalani

kehidupan harian. Tanpa disedari, penjenayah tersebut boleh mengulangi perbuatannya itu jika ada peluang dan kesempatan. Meraung dan beremosilah sekali lagi seluruh rakyat apabila anak atau wanita yang kita sayangi menjadi mangsa.

KELUARGA SEMBUNYIKAN KEJADIAN

APA yang dikesalkan kes-kes rogol yang membabitkan anggota keluarga tidak mendapat kerjasama sepenuhnya. Sesetengah daripada kita tidak mempercayai apa yang berlaku ke atas anak-anak. Contohnya, kes yang melibatkan anak-anak yang dirogol oleh bapa kandung, bapa tiri, datuk atau abang kandung. Ibu yang mengetahui perkara tersebut tidak memercayainya dan menganggap ia sekadar rekaan semata-mata.

Malah terdapat juga anggota keluarga menyembunyikan perkara tersebut daripada terus diketahui atau melaporkan kepada pihak berkuasa sehingga sesetengah mangsa hamil dan melahirkan anak luar nikah.

JADILAH KOMUNITI YANG PEKA

Di sinilah peranan kita sebagai komuniti masyarakat untuk membendung gejala ini daripada berterusan. Kita harus peka pada persekitaran dan situasi sekeliling. Selain itu, pendidikan sempurna pada peringkat awal perkembangan anak-anak perlu diberi tumpuan oleh ibu bapa. Tidak kira pendidikan agama dan moral, malah kasih sayang serta kepekaan ibu bapa sendiri terhadap anak-anak dan persekitaran tidak harus dipandang enteng.

KRONOLOGI KES ROGOL & BUNUH Membabitkan Kanak-Kanak



30 OGOS 1997

NOR SHAWANI DAHLAN, 7 tahun, ditemui mati di Kampung Kumpulan A, Hulu Melaka, Langkawi, Kedah dipercayai dirogol dan dibunuh. Mayat Nor Shawani ditemui dalam semak kira-kira 700 meter dari rumahnya dalam keadaan terlentang dan separuh bogel oleh penduduk kampung selepas disedari hilang kira-kira pukul 7 malam apabila tidak pergi mengaji al-Quran.

22 OKTOBER 2000

NORSHUHADA BURAK berusia 6 tahun dibunuh dengan kejam selepas dipercayai diperkosa oleh seorang lelaki yang juga jirannya di Selayang Baru. Mayatnya ditemui dalam keadaan terlentang dan separuh bogel di dalam tong air di loteng tingkat atas rumahnya. Terdapat kesan lebam pada muka dan tangannya serta kemaluannya didapati terkoyak. Norshuhada merupakan anak bongsu dari lima beradik dikatakan keluar untuk membeli keropok selepas makan malam.

5 JULAI 2001

SITI NADIRAH BUDAH, 5 tahun, ditemui dalam keadaan terbenam dan ditindih dengan kayu dalam lumpur kira-kira 500 meter dari rumahnya Kampung Sibugal Besar, Batu 10, Sandakan Sabah. Mangsa dibunuh selepas dirogol oleh seorang remaja lelaki berusia 17 tahun. Mangsa juga dikatakan dilihat dibawa oleh remaja tersebut ke belukar selepas pulang dari mengaji al-Quran kira-kira jam 5 petang.

1 April 2002

NUR SYAKILA RAMLI ABDULLAH CHOO juga berusia 5 tahun, dibunuh selepas dirogol. Mayatnya ditemui di dalam longkang berhampiran rumahnya di Taman Tasik Permai, Ampang. Nur Syakila dipercayai dibunuh oleh seorang remaja lelaki yang berusia 12 tahun.

30 OKTOBER 2002

SITI NUR LIYANA SHAMIMI ROSDI, kanak-kanak berusia setahun 11 bulan diculik dari rumahnya ketika sedang tidur oleh seorang pemuda berusia 24 tahun. Seharian selepas diculik pada 1 November 2002, mayat mangsa ditemui dalam keadaan bogel di celah pokok kelapa di tebing Sungai Kedah kira-kira 500 meter dari rumahnya yang terletak di Kampung Seberang Terus, Alor Star, Kedah. Nur Liyana juga dirogol dan dibunuh. Malah terdapat 40 kesan calar pada tubuh mangsa dipercayai ditoreh dengan pisau kecil selain kesan koyakan pada kemaluan.

8 Januari 2004

HARIRAWATI SARIDI, 10 tahun, murid tahun empat Sekolah Kebangsaan Tobobon ditemui mati dalam keadaan terbaring dan berlumuran darah serta kain baju sekolah terselak hingga ke paha. Mayat mangsa ditemui di semak lereng bukit di Kampung Ratau, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Mangsa dipercayai dibunuh dan dirogol semasa dalam perjalanan ke sekolah.

17 Januari 2004

NURUL HUDA GHANI, juga berusia 10 tahun dibunuh selepas dipercayai dirogol secara bergilir-gilir oleh tiga orang lelaki di pondok pengawal pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) Tanjung Kupang, Gelang Patah, Johor. Mangsa ditemui tidak sedarkan diri dalam keadaan bogel oleh abangnya, Amer Affendi di dalam tandas pondok tersebut. Kehilangannya disedari selepas tidak pulang dari kedai. Murid tahun empat Sekolah Rendah Kebangsaan Tiram Duku ini juga turut diliwat.

Apakah Dosa Si Kecil ini ?

BAYANGKAN mangsa adalah anak-anak kita atau orang yang kita sayangi. Renungilah apa yang terjadi ke atas kanak-kanak malang ini. Penderitaan dan kesakitan yang terpaksa dilalui dan bagaimana saat-saat kematian mereka akibat perbuatan 'binatang' yang bertopengkan wajah manusia. Berlandaskan nafsu serakah semata-mata tanpa perikemanusiaan dan belas kasihan, si kecil yang tidak berdaya diperlakukan sebegitu rupa. Dirogol, diliwat dan dibunuh dengan kejam.

Lebih menyayat hati, mayat mangsa pula dicampak dan dibuang sesuka hati ke dalam longkang, lumpur, sungai, semak dan sebagainya tanpa sekelumit rasa kemanusiaan. Apakah dosa si kecil ini? Apakah yang diharapkan oleh si kecil yang baru berusia 5 atau 10 tahun ini?. Terbayang suara dan tangisan si kecil Nurul Huda, Harirawati, Nur Syakila, Siti Nadirah dan Nurshuhada merintih-rintih minta simpati. Tubuh sekecil itu tidak termampu melawan tubuh sasa pelaku apatah lagi perogol lebih daripada seorang. Untuk meronta atau menjerit, sejauh mana kudrat kanak-kanak malang itu. Dalam keperitan 'melawan', rasukan syaitan, si kecil reda dengan ajal yang menjemput. Mungkin itu lebih baik dari menghadapi trauma sepanjang hayat akibat peristiwa hitam itu. Bukannya kejam! Tapi itulah hakikat yang terkeluar daripada mulut insan-insan yang memperkatakan tentang kejadian ini.

JADIKAN IKTIBAR



SEKADAR mengimbas kembali kejadian rogol dan bunuh yang turut menghantui wanita atau ibu bapa seluruh negara sebagai iktibar buat kita semua. Peristiwa yang menimpa **Audrey Melissa Bathinathan**, 17 tahun, pada 18 Mei 1999. Mayat mangsa yang ditemui separuh bogel di kawasan semak di Jalan Cenderasari berdekatan Masjid Negara. Hingga ke hari ini, pesalah yang bertanggungjawab tidak berjaya diberkas.

Kira-kira empat tahun lalu pada 17 Oktober 2000 selepas setahun kejadian menimpa Audrey Melissa, negara dikejutkan dengan kes rogol dan bunuh jurutera komputer, **Noor Suzaily Mukhtar**, 24. Allahyarhama Noor Suzaily dirogol dan diliwat dalam bas oleh pemandu bas tersebut sebelum dicekik dan mayatnya dibuang di tapak pembinaan di Pandamaran, Klang. Peristiwa yang menimpa gadis malang ini turut dialami oleh seorang pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Buyong Adil, Tapah, Perak pada 13 Februari 2001.

Farah Deebea Rustam dipercayai dicekik hingga mati selepas dirogol dan mayat mangsa dicampakkan dalam keadaan separuh bogel dalam longkang di Kampung Tersusun, Batu 2, Tapah, Perak. Nasib malang gadis ini turut dialami seluruh ahli keluarganya bukan sahaja kehilangan anak kesayangan, malah pemuda yang dipercayai terlibat dalam kes rogol dan pembunuhan Farah Deebea dibebaskan setelah bukti yang dikemukakan tidak kukuh. Dengan harapan dan semangat untuk menuntut keadilan di atas kehilangan anaknya, ibu malang Zuraida Abdullah tidak putus asa membuat rayuan kepada pihak mahkamah supaya pengadilan dilakukan semula.

Mungkin nasib Noor Suzaily lebih baik daripada Farah Deebea, perogol yang bertanggungjawab kini sedang merenguk dalam penjara dan sedang menunggu hukuman seterusnya. Perogol dan pembunuh Farah Deebea pula dibebaskan dan mungkin akan mengulangi perbuatan itu jika berpeluang dan berkesempatan. Bagaimana pun diharapkan, pemuda berkenaan menginsafi kesalahan yang dilakukan dan kembali ke pangkal jalan.

KEJADIAN BERTURUT-TURUT

PADA bulan dan tahun yang sama iaitu pada 25 Februari 2001, **Rafaezal Razali**, pelajar tingkatan 3, Sekolah Menengah Lurah Bilut, Pahang ditemui mati di kebun getah yang terletak kira-kira 100 meter dari kedai kopi di Kampung Lebu, Bentong, Pahang. Mangsa dipercayai dirogol dan dicekik sehingga mati oleh seorang pemuda berusia 24 tahun yang juga penagih dadah.

Kira-kira enam bulan kematian ngeri Farah Deebea dan Rafaezal, sekali lagi kejadian yang sama dialami oleh pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yaakub, Jasin, Melaka. Tanggal 3 Julai 2001, tidak akan dilupa oleh seluruh ahli keluarga dan rakyat Malaysia, **Nurul Hanis Kamil** yang dibunuh selepas dirogol dan diliwat. Mayat Nurul Hanis dijumpai dalam semak kira-kira 150 meter dari rumahnya di Taman Koperasi Risda, Serkam Darat, Merlimau Melaka.

Setiap tahun boleh dikatakan kejadian rogol dan bunuh akan berlaku. Malah dalam sebulan dua kejadian yang sama bezanya, mangsa dan tempat kejadian. Motif kejadian tetap sama iaitu untuk memuaskan nafsu. Manakala senario pembunuhan dilihat sebagai menyembunyikan bahan bukti kesalahan berkenaan atau pun kekerasan yang digunakan sehingga menyebabkan kematian mangsa.

HANYA DOA MENGIRINGI MEREKA

BAGAIMANA agaknya nasib lima anak peninggalan **Asiah Endek** yang menjadi mangsa rogol dan bunuh di Kampung Batu 9, Kapar pada 26 Jun 2002. Mangsa adalah ibu tunggal yang mempunyai tanggungjawab besa menyara hidup lima anaknya termasuk seorang daripadanya mengalami kecacatan fizikal. Kini tiada lagi ibu gigih yang turut menjadi mangsa korban lelaki durjana. Bukan setakat pelajar sekolah atau kanak-kanak menjac sasaran perogol, golongan wanita lebih-lebih lagi kerana merekalah kumpulan utama yang sering menjadi mangsa.

Seluruh rakyat Malaysia turut bersimpati dengan nasib yang menimp mangsa rogol dan bunuh. Lidah kelu untuk berkata-kata dan menyusun bait bait ayat meluahkan apa yang terbuку. Hanya doa dan Al-Fatihah mengiring arwah Noor Suzaily Mukhtar, Farah Deebea Rustam, Rafaezal Razali, Nurul Hanis Kamil dan Asiah Endek semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang beriman. Amin!

PENINGKATAN KES MEMBIMBANGKAN

KES rogol yang melibatkan kanak-kanak atau mangsa berumur 16 tahun ke bawah dikatakan berada di tahap yang membimbangkan dan memerlukan perhatian lebih serius daripada pelbagai pihak. Perangkaan daripada **Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Bukit Aman** menunjukkan daripada jumlah 1,217 jumlah mangsa rogol pada tahun 2000, seramai 615 melibatkan mangsa berumur bawah 16 tahun. Pada tahun 2001, 724 kes daripada 1,386 kes keseluruhan, 2002 sebanyak 737 kes yang dilaporkan melibatkan mangsa berumur bawah 16 tahun. Manakala kes rogol bagi tahun 2003 yang melibatkan mangsa bawah umur ialah sebanyak 238 untuk tempoh empat bulan pertama iaitu dari bulan Januari hingga April.

KETERLIBATAN BAPA YANG MEMALUKAN

PERANGKAAAN kes rogol sepanjang tahun 2003 menunjukkan 52 peratus membabitkan mangsa berumur bawah 15 tahun sebagaimana yang dilaporkan dan kebanyakannya suspek atau pesalah rogol dikenali mangsa. Hanya 16.6 peratus dilakukan oleh orang yang tidak dikenali. 42.1 peratus mangsa rogol kenalan atau kenalan baru mangsa, 20 peratus oleh teman lelaki atau tunang mangsa, 4.8 peratus dilakukan oleh bapa saudara, 2.8 peratus oleh bapa tiri, 2 peratus mangsa rogol bapa saudara dan 2.2 peratus dilakukan oleh jiran tetangga. Manakala pesalah atau suspek lain yang membabitkan abang, abang ipar, datuk, sepupu, saudara-mara, majikan dan bomoh sebanyak 8.7 peratus.

Melihat kepada keterlibatan anggota keluarga dalam kes-kes rogol amat mendukacitakan dan memalukan terutamanya bapa kandung. Tiada lagi nilai kemanusiaan serta sikap tanggungjawab seorang bapa sebagai pelindung dan penjaga amanah Allah sehingga sanggup 'meratah' darah daging sendiri.

KES ROGOL BAGI TAHUN 2000 - 2003

Tahun	Jumlah Kes	Jumlah Kes Melibatkan Mangsa Bawah 16 Tahun
2000	1,217	615
2001	1,386	724
2002	1,431	737
2003	1,429	236 (Januari - April 2003)

Sumber: Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Bukit Aman

PERATUSAN PECAHAN SUSPEK MANGSA ROGOL BAGI TAHUN 2003

PERATUS	SUSPEK MANGSA ROGOL
16.6	Suspek tidak dikenali mangsa
42.1	Kenalan atau kenalan baru mangsa
20.0	Teman lelaki atau tunang mangsa
4.8	Bapa kandung
2.8	Bapa tiri
2.2	Jiran
2.0	Bapa saudara
8.7	Lain-lain (Abang, abang ipar, datuk, sepupu, majikan dan bomoh)

SUMBER: POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) BUKIT AMAN

KENAPA BAPA ROGOL ANAK ?

BERDASARKAN laporan yang dikeluarkan oleh **Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kementerian Pembangunan Wanita & Keluarga**, terdapat 4 faktor yang menyumbang ke arah gejala ini iaitu faktor individu, dalaman, luaran dan persekitaran. Faktor individu melibatkan ibu bapa atau anak-anak itu sendiri seperti ceteknya didikan dan pegangan agama serta individu berkenaan mengalami tekanan emosi.

Faktor dalaman disebabkan masalah suami isteri, isteri berpenyakit, kemesraan bapa dengan anak perempuan terlalu rapat sehingga tiada batasan. Anak perempuan juga tidak menjaga etika berpakaian di hadapan anggota keluarga lelaki sehingga mendedah sebahagian tubuh badan.

Faktor luaran ialah terpengaruh serta terdedah dengan bahan-bahan pornografi seperti menonton VCD, membaca majalah, melihat gambar serta melayari laman-laman web lucah. Pergaulan dengan kawan-kawan juga sedikit sebanyak mendorong kejadian merogol anak sendiri.

Manakala faktor persekitaran seperti keadaan rumah atau tempat tinggal yang tidak mempunyai bilik, kawasan rumah yang sunyi dan jauh daripada jiran tetangga, kawasan sekeliling bersemasak, tiada pengawasan daripada keluarga, anak ditinggalkan tanpa pengawasan ibu atau orang dewasa di rumah.



ANAK TAWAR TUBUH

SELAIN faktor di atas, terdapat anggapan bahawa bapa lebih berhak meniduri anak gadis sendiri sebelum dikahwinkan. Tanggapan ini dibuat melalui kajian yang dilakukan oleh **Persatuan Perkhidmatan Untuk Lelaki** yang membabitkan 90 orang perogol yang sedang menjalani hukuman penjara. Manakala melalui kajian itu juga, terdapat kes perbuatan anak gadis terutamanya yang terbahit dengan gejala bohsia menawarkan tubuh mereka kepada bapa atau ahli keluarga tanpa perasaan malu dan segan. Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada kejadian rogol membabitkan ahli keluarga sendiri atau pun lebih dikenali sebagai sumbang mahram.

SITUASI ROGOL

PERANGKAAAN kes rogol meningkat dari tahun ke tahun. Berbeza dengan kes-kes lain seperti penderaan kanak-kanak, keganasan rumah tangga dan pencabulan kehormatan. **Deputi Superintendan Halimah Kawaluddin, Ketua Unit Siasatan Khas (D9) Kes-Kes Serangan Seksual, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman** yang pernah ditemu bual oleh penulis sebelum ini menjelaskan seseorang lelaki dikatakan merogol mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan apabila melakukan persetubuhan dengan seorang wanita. Persetubuhan ini boleh disabitkan dengan kesalahan merogol apabila mangsa berada dalam enam situasi;

- **PERTAMA** - Bertentangan dengan kemahuan mangsa.
- **KEDUA** - Tanpa kerelaan mangsa iaitu secara paksaan.
- **KETIGA** - Dengan kerelaan mangsa dalam ketakutan iaitu terpaksa kerana takut dibunuh atau dcederakan.
- **KEEMPAT** - Dengan kerelaan kerana mangsa percaya terhadap lelaki itu akan menjadi suaminya yang sah dari segi undang-undang, walau pun kejadian itu berlaku sebelum bergelar suami isteri.
- **KELIMA** - Dengan kerelaan mangsa. Bagaimana pun kerelaan itu disebabkan mangsa tidak memahami situasi dan risiko pada masa itu.
- **KEENAM** - Sama ada dengan kerelaan mangsa atau tidak, jika mangsa itu di bawah umur 16 tahun.

Pesalah yang melakukan kesalahan merogol ini dan akan didakwa di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan iaitu tidak kurang daripada 5 hingga 20 tahun penjara serta sebatan.

66 KES ROGOL MESTI DILAPORKAN” DSP Halimah Kawaluddin



KETIKA membentangkan topik bertajuk ‘Undang-Undang dan Penguatkuasaan’ di **Forum Konsultatif I - Heñti Rogol: Hormat dan Kawal Diri** anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Universiti Malaya baru-baru ini, DSP Halimah berkata bahawa terdapat rungutan dan aduan daripada orang ramai yang tidak tahu bagaimana untuk membuat laporan mengenai kejadian rogol.

Menurut beliau, langkah terbaik yang perlu dilakukan apabila kejadian rogol terjadi ialah terus melaporkan kepada pihak polis. Aduan ini boleh dibuat di mana-mana balai polis berdekatan dan tidak semestinya mangsa sahaja yang perlu membuat aduan. Keluarga atau orang yang mengetahui kejadian itu juga boleh membuat aduan.

“Sebaiknya mangsa sendiri terus membuat aduan selepas kejadian itu berlaku kerana bukti-bukti seperti kesan air mani atau kecederaan lain yang menunjukkan mangsa dirogol masih lagi jelas dan terdapat pada badan mangsa. Ini penting kerana pihak polis memerlukan bukti untuk memudahkan siasatan dan seterusnya membuat penangkapan”

“Begitu juga dengan pihak kementerian atau hospital boleh melaporkan kejadian itu sekiranya mangsa enggan melaporkannya. Di sinilah peranan kita sebagai anggota masyarakat untuk membantu mangsa rogol dan mewartakan betapa pentingnya membuat laporan polis.”

TERTEKAN SEMASA SIASATAN

TAMBAH beliau, terdapat banyak kes rogol yang tidak didakwa. Ini disebabkan tindakan mangsa rogol yang lambat membuat aduan atau menarik balik aduan. Biasanya melibatkan mangsa yang dirogol oleh teman lelaki atau tunang.

Ada juga mangsa yang tertekan dengan pelbagai pihak sepanjang proses siasatan berlangsung, iaitu mereka terpaksa berdepan dengan pertanyaan yang berulang kali daripada pihak hospital, polis dan seterusnya keadilan.

“Dalam situasi ini, mangsa memerlukan perhatian daripada kaunselor. Jadi, peranan badan-badan NGO yang mempunyai kepakaran dalam bidang kaunseling bolehlah merujuk kepada pihak polis untuk membantu satu-satu kes rogol.”

KES MENCABUL KEHORMATAN JUGA PERLU DIKAWAL

PADA forum tersebut, DSP Halimah turut menekankan kes-kes lain yang melibatkan seksual terutama mencabul kehormatan. Beliau menyarankan agar kes ini turut dipandang serius oleh semua pihak. Seperti juga jenayah rogol, kes mencabul kehormatan terus meningkat dari semasa ke semasa. Terdapat banyak kes yang dilaporkan dan ini amat membimbangkan kerana ia turut menjurus ke arah kejadian rogol sekiranya tidak dibendung dari awal.

TINDAKAN MANGSA ROGOL

DSP Halimah menyarankan agar mangsa atau ibu bapa mangsa mengambil tindakan berikut;

1. Sekiranya anda atau anak anda menjadi mangsa rogol, kenal pasti perogol berdasarkan fizikal seperti muka, ketinggian, badan, rambut, warna kulit, tanda-tanda yang terdapat pada badan dan juga pakaian yang dipakai.
2. Jika perogol berkenderaan, kenal pasti nombor kereta, jenis, warna dan tanda yang boleh dijadikan sebagai bahan bukti.
3. Dinasihatkan supaya tidak membasuh badan atau pakaian yang dipakai ketika kejadian itu berlaku sebelum membuat laporan polis.
4. Begitu juga dengan tempat kejadian, sama ada berlaku di rumah, pejabat, sekolah atau kawasan lain. Jangan bersihkan tempat kejadian itu.
5. Segera membuat laporan polis selepas kejadian itu berlaku.
6. Terus membuat pemeriksaan doktor di hospital atau klinik berdekatan sebelum kesan fizikal seperti kesan air mani, koyakan, lebam, luka serta kecederaan lain hilang. Ia merupakan bahan bukti yang penting.



“ROGOL MENJADI SATU TREND”

Dato' S. Veerasingam

MALAYSIA NO. 2 DI ASIA TENGGARA

MANAKALA Dato' S. Veerasingam, Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata bahawa kejadian jenayah seksual terhadap wanita termasuk kanak-kanak perempuan bawah umur kian membimbangkan. Rogol dan bunuh serta rogol berkumpulan atau lebih dikenali sebagai *gang rape* menjadi satu *trend* dalam masyarakat kita hari ini.

Berdasarkan Kajian Ketujuh Mengenai Corak Jenayah dan Operasi Sistem Pengadilan Jenayah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 1998 hingga 2000, beliau melihat masalah rogol di Malaysia dalam konteks perbandingan dengan negara-negara lain terutama di Asia Tenggara, negara kita menduduki tempat kedua tertinggi berbanding negara-negara Asia lain.

Di Malaysia sebanyak 0.05 kes bagi setiap 1000 penduduk selepas negara Thailand yang mencatat 0.06 kes bagi setiap 1000 orang penduduk. Indonesia pula mencatat 0.01 kes rogol bagi setiap 1000 penduduk dan merupakan negara yang paling rendah kejadian rogol di rantau ini. Manakala negara-negara maju seperti Kanada mencatatkan 0.75 kes, Amerika Syarikat 0.32 kes dan United Kingdom 0.14 kes bagi setiap 1000 orang penduduk dalam tempoh masa yang sama.

KAJIAN LEBIH TERPERINCI

MENURUT Dato' S. Veerasingam pada forum berkenaan, beberapa aspek perlu dilihat dan dinilai kenapa seseorang itu merogol. Kajian yang lebih terperinci harus dilakukan untuk mencari punca utama seseorang itu melakukan jenayah seksual. 3 perspektif yang harus dilihat ialah;

- PERTAMA** Profil penjenayah wajar diselidiki supaya mendapat gambaran jelas mengenai mereka yang berpotensi merogol.
- KEDUA** Profil mangsa juga perlu diberi perhatian agar dapat membuat rumusan mengenai perwatakan, umur dan tingkah laku yang sering menjadi mangsa rogol.
- KETIGA** Keluarga pelaku atau penjenayah juga harus diberi perhatian serta bantuan dari segi kaunseling, bimbingan dan khidmat nasihat. Ini adalah bagi mengekalkan keluarga itu daripada ditimpa masalah kesusahan jika penjenayah merupakan ketua keluarga atau pencari rezeki utama keluarga. Secara tidak langsung juga dapat mengelakkan keterlibatan keluarga pesalah dalam gejala sosial lain.

AKTA MELINDUNGI MANGSA

SEMENTARA itu, Dato' S. Veerasingam menyatakan beberapa akta yang digunakan bagi melindungi kanak-kanak atau mangsa yang terabit. Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 mengikut peruntukan memberi perlindungan kepada mangsa rogol. Akta Kanak-Kanak 2001 membolehkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang didapati terdedah secara seksual akan diberi perlindungan sama ada di pusat-pusat kebajikan yang ditentukan atau individu serta ahli keluarga yang layak menjaga dan melindungi mangsa daripada terus dibelenggu masalah ini. Manakala Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pula membolehkan seseorang mangsa memohon perintah perlindungan iaitu memohon tempat perlindungan bagi menghalang daripada berterusan menjadi mangsa penderaan seksual atau lain-lain bentuk keganasan rumah tangga.

4 KATEGORI PEROGOL

“DESAKAN SEKS BUKAN FAKTOR UTAMA”

Dato' Profesor Dr. Amir Awang

MENURUT Pensyarah Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia, Univeristi Utara Malaysia (UUM), Dato' Profesor Dr. Amir Awang berkata terdapat 4 kategori perogol. Kategori perogol ini berdasarkan kajian yang dilakukan di negara-negara Barat terutama Amerika Syarikat.

MACHO	Perogol bersifat syok sendiri dan suka menyakitkan orang lain. Kebiasaannya perogol melakukannya tanpa perasaan menyesal dan bersalah. Selain itu, lelaki yang merogol juga adalah untuk mencari kepuasan diri sendiri.
DENDAM DAN MARAH	Mengikut psikologi seseorang yang melakukan jenayah seksual seperti rogol, pernah menjadi mangsa sebelum sama ada didera dari segi fizikal, mental atau seksual oleh anggota keluarga sendiri atau orang lain. Mereka juga pernah mengalami kegagalan dan dikecewakan oleh wanita sehingga tidak boleh dilupakan.
PASIF	Seseorang perogol itu bersifat pasif yang keterlaluan. Contoh, malu atau takut mendekati wanita. Apabila berkesempatan dan berpeluang, mereka ingin menunjukkan kekuasaan dan keyakinan diri lalu bertindak ke atas wanita atau kanak-kanak.
SYOK TENGOK MANGSA	Kategori perogol yang suka melihat mangsa menderita merupakan sebahagian kecil daripada perogol. Mereka juga boleh dikatakan sebagai seorang lelaki yang kurang normal atau pun mengalami gangguan mental.

ROGOL TIDAK BOLEH DIJANGKA

MELALUI kajian yang dibuat, Dato' Profesor Dr. Amir berkata bahawa kejadian rogol bukan berpunca daripada golongan lelaki yang mempunyai peringkat nafsu syahwat yang tinggi. Ini kerana setiap daripada perogol tidak boleh diduga dan dijangka tindakan mereka. Begitu juga dengan masalah utama kenapa seorang lelaki sanggup merogol wanita mahu pun kanak-kanak bawah umur.

Tambah beliau lagi, perogol tidak terdiri daripada kaum dan agama tertentu, umur tidak terhad walau pun majoriti perogol terdiri daripada kalangan lelaki berumur 16 hingga 34 tahun. Ini kerana terdapat perogol yang berumur lebih daripada 60 tahun. Kebanyakan perogol juga bukanlah terdiri daripada individu yang mengalami penyakit psikiatri atau gila.

“JANGAN JADIKAN LELAKI SEBAGAI MUSUH”

Kamal Affendi Hashim

JENAYAH kejam, rogol dan bunuh kanak-kanak berlaku apabila tahap kewarasan dan kawalan diri seseorang tidak dapat dikawal dan dikuasai sepenuhnya oleh hawa nafsu. Kecenderungan ini berlaku apabila seseorang mempunyai peluang untuk melakukan perbuatan sedemikian. Di samping faktor lain yang turut mendorong seseorang itu merogol dan membunuh dengan kejam, kata **Kamal Affendi Hashim, Penganalisis Jenayah Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM)** ketika ditemui pada Forum Konsultatif II - Henti Rogol: Hormat dan Kawal Diri di Dewan Nur, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Beliau turut berkata bahawa pengaruh daripada bahan-bahan pornografi, cara wanita berpakaian serta pengaruh daripada televisyen, dadah dan ubat-ubatan yang mengkhayalkan adalah penyumbang ke arah itu. Namun, ia bukanlah faktor utama kenapa seseorang lelaki itu merogol.

Tambah beliau, kebanyakan pesalah rogol tidak menganggap perbuatan itu sebagai kesalahan atau satu jenayah asalkan mereka berpeluang untuk melepaskan nafsu. Mereka juga mendapat kepuasan apabila melakukan perbuatan jenayah itu dan ini kebiasaannya dilakukan oleh individu yang tidak normal atau 'berpenyakit'.

PENDEKATAN MENANGANI

PADA forum berkenaan, Kamal Affendi turut memberi beberapa cadangan dan saranan untuk mencari pendekatan terbaik bagi membendung seterusnya menangani masalah rogol terus berlaku serta meningkat setiap tahun. Antaranya;

- Penguatkuasaan undang-undang serangan seksual diperkemas dan diperketatkan.
- Setiap pesalah jenayah seksual sama ada cubaan mencabul dan merogol wajar diberi hukuman.
- Tumpuan kepada mangsa dan keluarga mangsa diberi kaunseling secara berterusan.
- Pelaku juga harus diberi rawatan kaunseling untuk jangka masa panjang terutama selepas dibebaskan supaya tidak mengulangnya lagi.
- Jangan jadikan pelaku atau perogol sebagai pesakit.
- Dingatkan kepada kaum wanita, jangan labelkan lelaki sebagai perogol.

3 FAKTOR UTAMA

HASIL kajian daripada kebanyakan kes rogol yang berlaku sama ada melibatkan orang yang tidak dikenali atau pun orang yang dikenali, Dato' Profesor Dr. Amir berpendapat bahawa 3 faktor utama yang boleh dirumuskan kenapa seseorang itu menjadi perogol.

Pertama, disebabkan desakan seks, walau pun pendapat ini disangkal oleh pihak-pihak tertentu kerana setiap manusia mempunyai akal fikiran. Namun faktor ini harus diambil kira. Kedua, faktor ekonomi, iaitu individu tidak boleh memuaskan nafsu secara halal. Ketiga, kebanyakan perogol tidak berpendidikan tinggi. Termasuklah dari segi moral dan didikan agama yang diterima.



- Jangan jadikan lelaki sebagai musuh. Tetapi pelengkap untuk sama-sama menyelesaikan masalah ini.
- Ketepikan prasangka masing-masing terutama badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat. Cari persamaan dalam menyelesaikan masalah yang sedia ada dan akan datang.
- Tindakan yang dilakukan tidak berasaskan emosional semata-mata tidak kira yang membabitkan individu, ibu bapa, keluarga, guru, persatuan, pemimpin, pengamal undang-undang dan sebagainya.
- Pesalah seksual yang dibebaskan diawasi dan dipantau pergerakannya dari masa ke masa. Perlu melaporkan diri kepada balai polis yang berdekatan, nyatakan tempat tinggal, tempat kerja dan sebagainya.
- Kesedaran pada peringkat komuniti perlu diperluaskan. Sikap prihatin, kepekaan dan tanggungjawab bersama harus diamalkan dalam diri setiap individu.
- Menjadi mata kepada kanak-kanak yang berada di sekeliling dan persekitaran. Memberi bantuan keprihatinan sebagai anggota masyarakat.
- Pihak-pihak tertentu harus menyediakan peti surat khas atau talian bagi orang ramai menyalurkan maklumat.
- Mata pelajaran sivik harus diperkenalkan semula di sekolah-sekolah serta dikemas kini dengan unsur-unsur yang boleh dipengaruhi.


KANAK-KANAK CENDERUNG JADI MANGSA

KETIKA bercakap pada Forum Konsultatif I yang berlangsung di Universiti Malaya, Kamal Affendi menjelaskan 3 keadaan menyebabkan rogol berlaku. Pertama, keadaan perogol yang komited untuk merogol. Kedua, mangsa dipilih iaitu menepati sama ada membabitkan wanita mahu pun kanak-kanak bawah umur. Ketiga, setiap daripada wanita dan kanak-kanak cenderung menjadi mangsa rogol.

Walau pun begitu, beliau berpendapat bahawa perogol turut mencari alternatif lain untuk merogol sekiranya tiada mangsa lain seperti sanggup memuaskan nafsu dengan binatang. Begitu juga dengan senario kes-kes rogol yang membabitkan kanak-kanak bawah umur, di mana perogol mencari mangsa di kalangan mereka yang mudah dipengaruhi, lemah atau tidak berupaya melawan.

“KEGANASAN SEKSUAL KANAK-KANAK PERLU DITANGANI BERSAMA”

Profesor Madya Haji Mohamad Ali Hassan



Terjaminkah masa depan anak-anak kita? - Gambar Hiasan

PRESIDEN Mimbar Permuafakatan Ibu Bapa Nasional (MAPIN), **Profesor Madya Haji Mohamad Ali Hassan** berkata keganasan seksual kanak-kanak perlu ditangani segera.

“Kejadian rogol yang melibatkan kanak-kanak seperti kes yang menimpa Nurul Huda Abdul Ghani dan Harirawati Saridi baru-baru ini amat mendukacitakan. Tidak termasuk kes-kes yang berlaku sebelum ini yang turut melibatkan kanak-kanak bawah umur.”

“Apa yang boleh saya katakan, kejadian seumpama ini merupakan salah satu penyakit masyarakat dan ia perlu dibendung supaya tidak berterusan terjadi. Siapa mangsa selepas ini, kita sendiri tidak tahu. Mungkin di kalangan ahli keluarga kita sendiri atau orang yang kita kenali.”


“Secara amnya, setiap lapisan masyarakat harus memainkan peranan menangani gejala ini. Tidak kira sebagai individu, ibu bapa, guru, masyarakat, pemimpin atau kerajaan, semua pihak harus bersikap proaktif. Sama-sama mencari pendekatan serta kaedah terbaik mengawal jenayah rogol daripada berleluasa,” kata beliau ketika berkata di Forum Konsultatif I - Henti Rogol : Hormat dan Kawal Diri baru-baru ini.

SARANAN SEMUA PIHAK

Ketika bercakap pada forum tersebut, **Profesor Madya Mohamad Ali** yang juga **Presiden Majlis Permuafakatan PIBG Nasional (PIBGN)** turut membentangkan saranan dan cadangan yang boleh diguna pakai untuk menangani masalah rogol. Saranan ini tidak hanya melibatkan individu tetapi semua pihak terlibat daripada peringkat bawahan hingga atasan.

1. Pindaan undang-undang yang sedia ada perlu dilaksanakan segera terutama hukuman yang setimpal ke atas pesalah rogol seperti sebatan di khalayak ramai atau hukum mati mandatori bagi perogol yang menyebabkan kematian dan mempamerkan gambar pesalah yang disebut pada umum. Manakala bagi kesalahan rogol tidak melibatkan kematian, hukuman penjara seumur hidup dan sebatan.
2. Majlis Fatwa Kebangsaan perlu bertindak aktif dalam melaksanakan hukuman yang setimpal selaras dengan kehendak Islam terhadap pesalah jenayah rogol termasuk pesalah juvana.

3. Kumpulan sokongan untuk memberi kaunseling dari kalangan profesional serta pakar dalam bidang bimbingan dan kaunseling hendaklah diadakan secara berterusan terhadap mangsa, keluarga mangsa serta pesalah rogol.
4. Institusi kekeluargaan perlu diperkukuh secara berterusan kerana ia merupakan asas penting serta tunjang dalam pembentukan sesebuah masyarakat.
5. Ibu bapa dan anggota keluarga harus sedar dan menyemai tanggungjawab bersama terutama di kalangan anak lelaki supaya menghormati, menjaga dan melindungi anggota keluarga terutama di kalangan wanita.
6. Kemahiran keibubapaan harus dimantapkan dan dilengkapi dengan ilmu keibubapaan terutama di kalangan bapa. Peranan dan fungsi bapa sebagai ketua keluarga harus dihidupkan semula kerana bapa sering kali dilihat mengabaikan tanggungjawabnya.
7. Memperbanyakkan program berbentuk kekeluargaan dan kursus keibubapaan. Kemahiran ibu dari segi teknik komunikasi secara berkesan dengan anak-anak harus dipertingkatkan. Manakala program kekeluargaan seperti Hari Keluarga, Percutian Keluarga dan sebagainya diadakan.
8. Ibu bapa juga perlu memantau perkembangan dan pergaulan anak-anak sama ada di rumah atau di luar.
9. Kelemahan industri keselamatan khasnya yang diswastakan hendaklah dipantau, dikaji serta diperbaiki.
10. Pemantauan dan pemeriksaan yang rapi terhadap penjualan ubat-ubatan rangsangan seks oleh pihak-pihak tertentu.
11. Mewujudkan dan keanggotaan Majlis Penasihat Rundingan Keluarga di peringkat kebangsaan, negeri, daerah, ADUN dan kampung tidak hanya diwakili ahli politik sahaja malah penyertaan yang menyeluruh.
12. Kurikulum pelajaran yang berkaitan jati diri seperti Pendidikan Islam, Moral, Sivik dan Tatanegara harus diperkemas daripada masa ke masa.
13. Anggota persatuan penduduk, rukun tetangga, pihak sekolah dan masyarakat setempat harus membincangkan agenda keselamatan.
14. Peranan pihak swasta harus lebih menonjol dalam membantu mempertingkatkan keutuhan institusi keluarga dan masyarakat setempat.



Lorong dan laluan sunyi serta terbiar boleh mengundang padah?

HUKUMAN LEBIH BERAT

Datuk Zaiton Zawiyah Puteh



DARI segi undang-undang dan penguatkuasaan mengenai jenayah rogol, peruntukan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan yang ada dikatakan tidak mencukupi untuk menghukum pesalah rogol berikutan kejadian ini semakin menular dalam masyarakat hari ini. Hukuman penjara dan sebatan tidak memadai, malah hukuman yang dikenakan ke atas pesalah rogol sebelum ini dilihat tidak memberi kesedaran kepada masyarakat. Malah semakin ramai yang berani melakukan jenayah tersebut tidak termasuk perlakuan sumbang mahram.

Menurut **Datuk Zaiton Zawiyah Puteh**, Peguam Cara Jabatan Peguam Negara, bahawa setakat hari ini tiada undang-undang khusus untuk menghukum penjenayah rogol. Namun beberapa peruntukan di bawah Kanun Keseksaan telah dipinda untuk menentukan hukuman lebih berat ke atas pesalah. Iaitu di bawah Kanun Keseksaan 376, pesalah rogol akan menerima hukuman minimum penjara 5 tahun hingga 20 tahun beserta sebatan.

Seksyen 146 (A) Akta Keterangan juga turut dipinda. Di mana sebelum ini mangsa rogol tidak mahu ke mahkamah disebabkan tekanan menjawab soalan yang dikemukakan. Jabatan Peguam Negara juga telah menubuhkan satu unit bagi membantu mencadangkan peruntukan yang perlu dipinda. Penggubalan dan pindaan undang-undang ini dibuat bagi mencerminkan kehendak masyarakat serta melihat kepada perkembangan semasa.

HUKUMAN LEBIH BERAT

BEBERAPA memorandum dan cadangan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan-pertubuhan wanita supaya pelaksanaan undang-undang lebih berat ke atas pesalah rogol telah diterima. Pindaan ini akan dilaksanakan segera setelah dikaji dan diperbincangkan secara mendalam. Hukuman dipenjarakan atau disebat tetap dikenakan ke atas pesalah rogol mengikut Kanun Keseksaan 376.

Manakala dari segi definisi rogol yang disarankan supaya dikaji semula telah diperbincangkan sejak lama. Cadangan ini akan diperhalusi dan undang-undang akan dipinda sewajarnya agar pesalah menerima hukuman lebih berat mengikut Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah.

KELEMAHAN UNDANG-UNDANG

BELIAU tidak menafikan antara faktor lain kejadian rogol terus berlaku disebabkan kelemahan undang-undang dan sistem penguatkuasaan. Antaranya hukuman yang dikenakan lebih ringan berbanding dengan negara-negara lain, bukti tidak mencukupi untuk mendakwa pesalah, proses pendakwaan yang memakan masa, prosedur pendakwaan serta mangsa enggan memberi kerjasama.

Tambah beliau, pindaan undang-undang ini menunjukkan kepekaan para penggubal undang-undang dan pihak kerajaan bagi mencegah kejadian rogol terus berlaku. Seterusnya mengelakkan lahirnya perogol lain dan mangsa rogol yang terpaksa mengalami trauma ngeri.

"Sebagai pengamal undang-undang, saya juga bersetuju jika pesalah rogol dikenakan hukuman lebih berat. Hukuman ini mengambil kira kesalahan jenayah dan penderitaan yang terpaksa ditanggung mangsa."

Hukuman penjara dan sebatan tidak memadai, malah hukuman yang dikenakan ke atas pesalah rogol sebelum ini dilihat tidak memberi kesedaran kepada masyarakat

Bekas tentera rogol anak dipenjarakan 19 tahun, sebat

Datuk Seri Shahrizat ketika mempengerusikan Forum Konsultatif II: Henti Rogol bersama Datin Fauziah, Datuk Zaiton dan Datuk Paduka Mastika Junaidah di Dewan Nara KPW